

**KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**



KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut


NO. SEBUT HARGA : **JPS WPKL (SH) / P / 26 / 2022**
TAJUK PROJEK : **KERJA MEMBAIKPULIH *BERM* TEBING KIRI SUNGAI KLANG
BERHAMPIRAN JALAN SYED PUTRA, WILAYAH
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai Sebut Harga ini hendaklah berdaftar dengan CIDB di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) di bawah bidang berikut :

Gred	Kategori	Pengkhususan
G3	CE	CE 21 - Pembinaan Kejuruteraan Awam

3. Segala maklumat dan dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626, Kuala Lumpur** mulai dari **2 Mac 2022 (Rabu)** hingga **10 Mac 2022 (Khamis)**.
4. Dokumen sebut harga kerja hanya akan dikeluarkan kepada **PENAMA** kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, **PENAMA** kontraktor hendaklah membawa sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen sebut harga serta satu Salinan Kad Pengenalan.
5. Kontraktor yang ingin memasuki sebut harga di atas adalah dikehendaki mengeluarkan Kiriman Wang Pos Sahaja berharga **RM30.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Sahaja)** yang dibuat atas nama **Akauntan Negara Malaysia - KASA - T** sebagai bayaran dokumen sebut harga.
6. Sebut harga ini akan dijual pada **2 Mac 2022 (Rabu)** hingga **10 Mac 2022 (Khamis)**.
7. Hanya kontraktor yang berdaftar dengan CIDB di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan memenuhi kelayakan pengkhususan di atas sahaja boleh menyertai sebut harga ini.
8. Lawatan tapak **TIDAK DIWAJIBKAN**. Walaubagaimanapun kontraktor boleh melawat tapak dengan inisiatif sendiri dengan sentiasa mengambil perhatian dengan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dan penjarakan fizikal, penggunaan *hand sanitizer* serta pemakaian pelitup muka perlu diteruskan seperti yang telah ditetapkan oleh KKM dan MKN.
9. Sebut harga ini akan ditutup pada **10 Mac 2022 (Khamis)**. Dokumen sebut harga hendaklah diisikan dengan lengkap dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan dituliskan nombor sebut harga di sebelah atas kiri sampul tersebut serta dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626, Kuala Lumpur** tidak lewat dari jam **12.00** tengahari pada hari tersebut.
10. Penyebutharga **boleh menghantar Dokumen sebut harga menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier** menggunakan alamat seperti di atas. Jika sebut harga ini dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, Penyebutharga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan seperti di atas **sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengahari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

PERHATIAN : 1. Kontraktor Hendaklah Sentiasa Mengambil Perhatian Dan Mematuhi Langkah-Langkah Pencegahan Covid-19 Dan Penjarakan Fizikal Oleh KKM Dan MKN Semasa Pembelian dan Penghantaran Dokumen Sebut Harga Ke JPSWPKL.


.....
Nama **RATNA RAJAH SIVAPIRAGASAM**
Jawatan : **Timbalan Pengarah**
Tarikh **Jabatan Pengairan Dan Saliran**
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
25/2/2022